



AHMED RAZMAN ABDUL LATIFF



ABU SOFIAN YAACOB

UTUSAN MALAYSIA 5/5/2018 p. 23

## Daim kelirukan rakyat demi kepentingan politik

**KUALA LUMPUR 4 Mei** - Tindakan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainudin yang membuat pusingan U dengan mengkritik pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dilihat sebagai cubaan mengelirukan rakyat demi kepentingan politik semata-mata.

Pensyarah Kanan Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff** berkata, GST yang dilaksanakan pada 2015 adalah satu sistem perkuatuan yang baik bagi mengelak ketirisan berbanding cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

"Kenapa hendak kembali kepada sistem SST yang telah terbukti lebih banyak ketirisan? GST lebih telus daripada SST dan memudahkan kerajaan dari segi kutipan kerana setiap perniagaan perlu membuat laporan cukai untuk tujuan tuntutan lebihan cukai GST."

"Ini secara langsung mengurangkan beban kerajaan dari segi pengoperasian cukai itu sendiri," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Baru-baru ini, Daim yang juga seorang hartawan terkemuka mengaitkan kos dan bebanan sara hidup dengan pelaksanaan GST ketika berceramah di pentas PKR di Parlimen Pendang, Kedah.

Dalam ceramah tersebut, Daim turut menyindir akronim GST sebagai 'government suka tipu', sedangkan beliau sendiri pernah mengakui kebaikan GST, malah pernah mencondongkan pelaksanaannya bagi menggantikan SST ketika

menjadi Menteri Kewangan dahulu.

Mengulas hal itu, Pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), **Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob** berpendapat, Daim hanya bercakap demi kepentingan politik dan bukan berdasarkan fakta sebenar.

"Dia sendiri (Daim) pernah menjadi Menteri Kewangan, dia pasti tahu fakta yang sebenarnya, tetapi barangkali dia menyorokkan fakta demi kepentingan politik sendiri."

"Kalau benar GST ini berkeburukan, pasti banyak negara lain yang mengamalkannya sejak sekian lama telah awal-awal memansuhkannya. Sama seperti cukai pendapatan, kalau tak bagus, pasti kita hapuskan, tetapi ini (GST dan cukai pendapatan) adalah satu keperluan untuk mendatangkan hasil kepada negara," katanya.

Menurut Abu Sofian, pelaksanaan GST lebih efisien dalam mengelakkan ketirisan berbanding SST terutamanya oleh pihak peniaga.

"Contohnya jika cukai SST sepatutnya RM100 bilion, kerajaan cuma dapat kutip RM70 bilion sahaja kerana peniaga boleh 'mengelat'. Tetapi dengan GST, peniaga tidak dapat lagi mengelak daripada membayar cukai yang sepatutnya," kata beliau.

Bagaimanapun, Abu Sofian turut berharap agar pihak kerajaan dapat memastikan pendapatan hasil GST dimanfaatkan sebaik-baiknya dan secara berhemah, agar tidak berlaku penyalahgunaan atau pembaziran.